

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 9 JUN 2015

RUJUKAN : 7935

SOALAN:

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan proaktif yang telah dirangka oleh Kementerian dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi mengekang penularan fahaman IS melalui media sosial yang semakin serius sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM), didapati media sosial sering digunakan sebagai medium oleh pengikut-pengikut kumpulan militan terutamanya kumpulan militan *Islamic State* (IS) dalam penyebaran fahaman dan merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai kumpulan mereka. Ini berikutan penggunaan media sosial dilihat menepati keperluan semasa segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda. Pada masa yang sama, medium berkenaan juga mudah diakses secara meluas, murah, sukar dikawal dan mudah untuk menyerapkan ideologi dan perjuangan IS ini kepada golongan berkenaan.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Bahagian Counter-Terrorism, Cawangan Khas, Polis DiRaja Malaysia telah mengambil tindakan proaktif dengan memantau laman media sosial bagi mengekang penularan fahaman IS yang disebarikan melalui platform berkenaan dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui agensinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Bahkan, pihak polis juga turut menjalinkan dengan kerjasama dan perkongsian maklumat melalui badan-badan perisikan antarabangsa termasuk INTERPOL dalam membuat pemantauan terbabit.

Hasil daripada kerjasama semua kerjasama tersebut, sejumlah 500 akaun *facebook* telah dikesan digunakan oleh kumpulan militan *Islamic State* (IS) ini. Bahkan, pihak *facebook* sendiri telah menyekat sejumlah 100 akaun *facebook* milik individu yang mempunyai kaitan dengan IS.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa yang sama, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga sedang mengkaji Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berhubung kesalahan menyebarkan fahaman keganasan di media sosial agar ianya selari dengan Akta Pencegahan Keganasan 2015 yang telah diluluskan oleh Dewan yang Mulia ini pada sesi persidangan yang lepas. Dengan adanya kombinasi kerjasama semua pihak terbabit, saya yakin bahawa aktiviti penyebaran ideologi pengganas melalui media sosial ini dapat dikawal dan diatasi sepenuhnya.